



SUKIPT 2018 Dilancar

Oleh Ruhaida Razali

BANGI - Debaran bagi kira-kira 7000 atlet universiti dan institusi pengajian tinggi di negara ini semakin terasa selepas Sukan Institusi Pengajaran Tinggi, SUKIPT 2018 dilancarkan secara rasmi malam tadi.

Majlis pelancaran SUKIPT 2018 yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching, dalam acara yang berlangsung di Panggung Seni, pada 14 Disember lalu.

Dalam ucapannya, Datuk Dr Mary berkata kementeriannya amat komited dengan usaha – usaha kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan negara dengan sentiasa memberi sokongan penuh kepada penganjuran kejohanan – kejohanan sukan yang membantu kepada pembangunan sukan di IPT bagi meneruskan kecemerlangan prestasi atlet IPT dan negara."

"SUKIPT juga merupakan satu kejohanan yang mempunyai peranan tersendiri untuk menggerakkan usaha – usaha kementerian dalam melahirkan modal insan yang holistik di IPT seluruh negara serta menyebarluaskan jaringan ilmu yang seterusnya meningkatkan peranan KPT dalam membangunkan minda rakyat."

"Diharapkan penganjuran SUKIPT ini akan memberi impak yang menyeluruh kepada perkembangan sukan di IPT negara dan melahirkan lebih ramai wira – wira sukan negara bagi meneruskan momentum kecemerlangan sukan negara di pentas antarabangsa", tambahnya lagi.

Kejohanan yang telah dianjurkan sejak tahun 2012 ini bakal mempertandingkan 27 acara sukan dimana akan melibatkan 29 lokasi pertandingan. Sebanyak 92 kontinjen yang akan terlibat merangkumi 6,344 atlet, 2000 orang pegawai dan 1000 orang sukarelawan.

Antara 27 acara yang dipertandingkan adalah bola sepak, tenis, badminton, bola tampar, boling padang, petanque, hoki, memanah, ping pong, sepak takraw, softbol, renang, sepak takraw, olahraga, menembak, bola jaring, catur, skuasy, karate, golf, lawan pedang dan berbasikal.

Selain itu, penglibatan institut pengajaran tinggi dari negara Asia Tenggara seperti Thailand, Singapura dan Indonesia serta dari India yang pertama kali menyertai sukan ini dalam acara kriket juga menjadi salah satu tarikan utama bagi kejohanan dwitahunan ini.

Dalam majlis perasmian ini turut diperkenalkan maskot, logo, lagu dan video promo SUKIPT 2018 kepada umum. Majlis turut meraikan para penaja yang telah memberi komitmen bagi dalam menjayakan SUKIPT kali ini seperti syarikat Yakult, Let's Play, Molten, ASHWAY, Mesuma & Marathon.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Datuk Nik Ali bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan KPT dan Prof. Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

- UiTM SEDIA
PERTAHANKAN
GELARAN JUARA

- WAKIL UNIMAP
LAUNG AMARAN

- RAGBI UKM
SASAR EMAS

- ATLET DAN
PEGAWAI SUKIPT
MULA
BERKAMPUNG

Sepak Takraw UKM Sasar Emas


Oleh Muhammad Ilyas

UKM, BANGI – Tuan rumah Sukipt 2018, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) meletakkan harapan tinggi untuk memenangi emas dalam acara sepak takraw edisi ke-4 temasya dwitahunan itu yang bermula secara rasmi pada 3 Februari ini.

Ketua pasukan, Syafiq Salleh berkata, sasaran berkenaan dibuat berdasarkan pencapaian semakin memberangsangkan dalam kalangan pemain selepas melalui proses pemilihan sejak beberapa bulan lalu.

Mengakui beraksi sebagai tuan rumah bakal memberi sedikit tekanan kepada skuad kendaliannya, beliau bagaimanapun menegaskan perkara itu dapat diatasi apabila memasuki persiapan fasa ketiga.

“Sekarang kami sangat bermotivasi ketika menjalani latihan, semua pemain memberikan tumpuan sepenuhnya dan kami telah pun berada di dalam situasi untuk bertanding di SUKIPT nanti”, katanya.



Sementara itu, tambah Syafiq lagi, pemain kini sedang giat menjalani latihan intensif termasuk mengadakan beberapa perlawanan persahabatan untuk menguji keserasian gandingan dan persefahaman sejak sebuah lalu.

Pada SUKIPT ke-3 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dua tahun lalu, UKM hanya mampu ke peringkat suku akhir setelah tersingkir di tangan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bagi Syafiq kekalahan itu menjadi pengajaran tersendiri buat mereka dan tiada alasan lagi untuk mereka terus kalah dalam perlawanan akan datang.

“Tiada pemain yang bertanding ingin kalah dalam pertandingan tapi semua orang ingin menang dan untuk mengalahkan kami bukan satu perkara yang mudah” – ujarnya.


Atlet Dan Pegawai SUKIPT Mula Berkampung

Oleh Pekan Ramli

UKM, BANGI – Sukan Institusi Pendidikan Tinggi atau SUKIPT 2018 edisi ke-4 yang mempertandingkan 27 acara sukan mempertaruhkan 238 pingat emas dan melibatkan penyertaan seramai 10,000 ribu atlet dan pegawai serta sukarelawan daripada 69 kontinjen IPT tempatan dan sembilan kontinjen IPT antarabangsa mengambil bahagian dalam temasya yang akan bermula pada 2 hingga 10 februari ini.

Debaran temasya dwitahunan yang terbesar membabitkan atlet-atlet terbaik daripada semua IPT di seluruh negara bermula dengan majlis perlancaran perkampungan sukan yang dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato’ Kamel Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Perasmian perkampungan sukan yang boleh menampung lebih 5 ribu atlit dan hampir 900 sukarelawan itu membabitkan penempatan di seluruh kolej-kolej kediaman yang terdapat di dalam UKM. Manakala pegawai-pegawai sekitar lebih 2,500 orang juga ditempatkan di kebanyakan rumah-rumah tamu kolej-kolej berkenaan.



Majlis perlancaran perkampungan sukan merupakan acara tradisi dalam mana-mana temasya sukan besar yang membabitkan ribuan atlet bagi memudahkan penempatan dan pergerakan atlet serta pegawai dan sukarelawan sebagai sumber guna tenaga yang sangat penting demi kejayaan penganjuran.

SUKIPT juga meneruskan tradisi semangat setiakawan di kalangan Negara Asia Tenggara dengan mengundang IPT luar Negara daripada Thailand, Singapura, Indonesia serta India yang turut menghantar pasukan kriket ke kejohanan kali ini.

Penyertaan IPT luar negara terutama dari negara jiran serantau untuk turut serta mengambil bahagian seperti man edisi ke-3 2016 sebelum ini ketika Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai menjadi tuanrumah apabila menerima sembilan kontinjen antarabangsa. Menurut Dato Kamel, KPT berharap pencapaian atlet di SUKIPT kali ini semakin baik dan dapat memecahkan rekod kejohanan dan juga rekod kebangsaan kerana temasya ini turut membabitkan begitu ramai atlet kebangsaan yang mewakili IPT masing-masing.

UiTM Sedia Pertahan Gelaran Juara



Sebahagian daripada Kontinjen Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang menyertai Perasmian Perkampungan Sukan SUKIPT 2018

Oleh Abdul Hadi Che Awang

UKM, BANGI – Juara keseluruhan temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2016, Universiti Teknologi Mara(UiTM) sudah bersedia sepenuhnya dalam mempertahankan gelaran juara keseluruhan bagi temasya SUKIPT kali ini.

Menurut Ketua Kem Komander Latihan Pusat UiTM, Mohammad Noor Azman menyatakan bahawa kontinjen yang dihantar untuk SUKIPT kali ini akan memikul tanggungjawab yang besar untuk mengharumkan nama UiTM disamping mempertahankan gelaran juara bertahan itu sendiri.

“Kami telah menjalankan latihan pusat yang bertempat di UiTM Shah Alam yang berlangsung bermula 25 Januari sehingga 4 Februari 2018 untuk mengekalkan prestasi dan kualiti keseluruhan atlet yang mewakili UiTM.

“Dari segi pemilihan atlet, beberapa medium digunakan seperti Karnival Sukan UiTM Malaysia (KARISMA) dan juga sistem ‘talents scouting’ dalam kejohanan sukan di Malaysia seperti

Menurut Pegawai Sukan UiTM, Nor Ashikin Hassan menzhirikan keyakinan bahawa 52 emas yang berjaya diraih pada SUKIPT 2016 akan dikekalkan disamping menambah lagi sasaran kontijen iaitu 58 emas keseluruhannya bagi mencapai sasaran juara keseluruhan.

“Sehubungan dengan itu, kami juga turut menghantar beberapa atlet kebangsaan bagi merealisasikan sasaran pingat emas terutama bagi sukan petanque, boling padang, olahraga dan juga taekwondo bagi menyertai SUKIPT kali ini.

“Acara seperti renang dan olahraga yang menawarkan banyak pingat emas juga akan dijadikan ‘lubuk emas’ bagi kontinjen UiTM dan acara-acara lain juga tidak akan dipandang sebelah mata bagi meletakkan UiTM di persada SUKIPT kali ini”, akhirinya.

Sukarelawan Nadi Penggerak SUKIPT

Oleh: Ahmad Nabil Rosedi

UKM, BANGI – Sukan Antara Instistut Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 yang akan berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi bakal menggamatkan suasana bagi atlet – atlet sukan untuk berentap merebut gelaran juara keseluruhan.

Namun, untuk menguruskan penglibatan atlet – atlet sukan dari 78 buah Intitut Pengajian Tinggi termasuk 10 buah IPT dari luar negara bukanlah satu perkara yang mudah.

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan SUKIPT 2018 telah memperkenalkan kaedah baharu iaitu sistem pemilihan atas talian (online) dan sebanyak 5830 permohonan telah diterima namun hanya 850 sukarelawan yang dipilih.

“Untuk pemilihan sukarelawan, kami hanya menyasarkan 850 orang yang dipilih berdasarkan pengalaman dan rekod penglibatan sukarelawan yang lepas dan semua sukarelawan telah diberikan taklimat berhubung tatacara perlaksanaan program kali ini” ulas Encik Mazilan bin Ramli selaku Timbalan Pengerusi 1 Sukarelawan SUKIPT 2018.

Sukarelawan yang terlibat juga disediakan penginapan dan makanan bagi memudahkan pergerakan dan proses perlaksanaan tugas oleh sukarelawan.

“Pihak Universiti Kebangsaan Malaysia juga telah menyediakan 3 buah kolej kediaman pelajar untuk penginapan iaitu Kolej Tun Husein Onn, Kolej Dato’ Onn dan Kolej Rahim Kajai berserta elaun RM30 sehari dan RM4 untuk sarapan sehari untuk ke semua sukarelawan” katanya.

Namun yang menjadi tarikan untuk Kejohanan SUKIPT 2018 kali ini ialah sukan yang baru diperkenalkan iaitu Bola Sepak yang bakal berlangsung di Universiti Putra Malaysia dan Hoki 6 Sebelah menjadi tumpuan hangat untuk kejohanan kali ini.



Perasmian Sukarelawan SUKIPT 2018 di Dewan Gemilang, UKM

“SUKIPT 2018 bakal mempamerkan kelainan kali ini dengan adanya Bola Sepak, yang bakal menglibatkan 80 orang sukarelawan di 4 tempat yang berlainan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Tenaga Nasional (UniTEN) dan Universiti Multimedia (MMU).

Pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang dikelolakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyediakan tempat perlawanan yang sesuai dan 16 pasukan terbaik dari Liga IPT 2017 telah dipilih sebagai barisan pasukan yang bakal berentap” ulasnya.

SUKIPT 2018 akan mengendalikan 27 jenis sukan yang berlainan termasuk sukan menembak yang akan diadakan di Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM).

“Kami selaku badan pengurusan SUKIPT 2018 amat mengalu - alukan tetamu ataupun penonton untuk sama – sama hadir di setiap perlawanan dan tiada tiket akan dikenakan

Saya juga amat berpuas hati dengan kualiti yang dipamerkan sukarelawan dan berharap agar sukarelawan yang terlibat mempamerkan semangat profesionalisme yang tinggi sepanjang kejohanan kali ini.

Ayuh SUKIPT 2018 Kita LIGAT!



Oleh Nur Zulaiha Mohd Zulkifli

UKM, BANGI – Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula 2 Februari 2018 dimeriahkan dengan maskot rasmi Ligat yang merupakan musang pandan iaitu spesies haiwan yang dilindungi dan hampir mengalami kepupusan.

Ligat yang merupakan nama bagi maskot SUKIPT 2018 pada kali ini, diinspirasikan berdasarkan kriterianya yang lincah selaras dengan para atlet yang bertanding dalam temasya SUKIPT kali ini.

Bentuk fizikal haiwan ini melambangkan kesempurnaan, kecerdasan dinamik atlet dan menjadi simbolik bagi menggambarkan kekuatan, keberanian, kebebasan dan kecermerlangan yang berterusan para atlet sepanjang berlangsungnya SUKIPT 2018 ini.

Pemilihan musang pandan ini juga mencerminkan nilai-nilai dalam memupuk semangat kesukanan yang tinggi dan bersedia untuk bersaing dalam mengangkat nama baik Malaysia ke persada dunia.

Wakil UNIMAP Laung Amaran

Oleh Nurul Hanisah Binti Baharin

UKM, BANGI – Sekalipun turun kali pertama mewakili Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dalam acara tae-kwondo, Wong Xia Jun tetap yakin beliau mampu menyaingi peserta lain terutamanya yang dianggap sebagai pilihan.

Bagi pelajar pengkhususan Kejuruteraan Reka Bentuk Produk di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan di UNIMAP itu yang lebih selesa dikenali sebagai Wong, beliau berterima kasih dengan kepercayaan yang diberikan jurulatihnya untuk mewakili UNIMAP dalam SUKIPT kali ini.

Wong merupakan pelajar semester pertama di UNIMAP menyatakan rasa terujanya untuk beraksi buat kali pertama di gelanggang SUKIPT.

Mengenai persiapan Wong dalam menghadapi SUKIPT, Wong akui yang beliau terpaksa mengorbankan cuti semesternya selepas peperiksaan akhir berlangsung untuk menjalani latihan intensif.

Beliau mengakui sedikit gementar untuk berdepan dengan atlet lain terutamanya yang pernah beraksi dalam SUKIPT sebelum ini namun ia bukan alasan untuk dia beraksi sambal lewat malahan beliau berazam untuk menghadiahkan pingat emas untuk kontinjen UNIMAP.

Apabila disoal mengenai harapan Wong pada sukipt pada kali ini, Wong menyatakan yang semestinya beliau mengharapkan pingat emas untuk universiti yang diwakili beliau di samping pengalaman daripada persaingan di peringkat kebangsaan.

Bagi SUKIPT kali ini, Wong akan bertanding dalam acara pomsae berkumpulan yang bermula pada 3 Februari ini di Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh (DTAMS), UKM.

We are ONE

By Adi Samsuri

UKM, BANGI – Politeknik Malaysia (MSP) would not accept any less than being crown SUKIPT '18 champion after forming a dream team from all branches of Politeknik.

With new centralised technique that being applied for this tournament show their determination for accomplish their aim. They will compete in the tournament as one team rather as compared to last edition where they represent their respective branches.

Politeknik Chief Division Manager, Associate Lt. Col. Nazri Idris stated that Politeknik athletes are in fine form and applied the new strategy to maximise their chances to compete as contender in this tournament.

Athletes are selected from their respective Politeknik before compete in Open Inter-Poli Tournament that finalised the chosen athletes for SUKIPT'18

"The decision to joint all Politeknik branches as one is our strategy as we decided to give more challenge and rise as one of the top contender in SUKIPT'18 Tournament." say Nazri Idris.

The finalised list consist of the best athelets coming from all 34 branches of Politeknik. The centralised training begun a month before SUKIPT 2018 in Bangi.

The team are in focus to conquer medals from games with multiple medals outcomes such as Taekwando and Karate-Do rather compared to single medal games such as Football but will still give their best to win all sporting events in SUKIPT.

All Public University such as Universiti Teknologi MARA (UiTM), the home team, University Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) and a lot more are viewed as rivals so MSP athletes won't feel complacent against underdogs of the game.

"We only aim to be crown as the champion of this year SUKIPT, we are capable to be contender and we will give our best for this tournament" added Nazri Idris.

Ragbi UKM Sasar Emas



Oleh Ruhaida Razali

UKM, BANGI – Kontinjen bagi acara ragbi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menaruh harapan tinggi untuk melihat skuadnya meraih pingat pada acara SUKIPT tahun ini.

Pengurus pasukan ragbi UKM, Mohd Faridz Abd Jalil menyatakan hasratnya agar pasukan dapat memberikan persembahan yang terbaik dalam temasya kali ini memandangkan mereka beraksi selaku tuan rumah SUKIPT 2018.

"Kami berharap persiapan dan latihan pusat selama dua minggu dapat membantu pasukan dalam meraih pingat dan menunjukkan prestasi permainan yang terbaik".

"Persaingan sengit bakal dipamerkan oleh setiap pasukan dalam setiap aksi di padang berdasarkan rekod permainan lepas", tambahnya lagi.

Ketua pasukan ragbi UKM, Muhammad Hanis Mohamad yang telah berkecimpung selama empat tahun dalam sukan ragbi menyatakan hasrat agar dapat memberikan prestasi yang terbaik dalam setiap permainan.

"Besar harapan kami agar dapat mencapai sasaran pingat dan memberikan aksi terbaik demi menyahut cabaran pihak Pengurusan Pusat Sukan UKM tanpa ada sebarang kecederaan berat pada pemain".

Pada SUKIPT kali ini, UKM menghantar dua pasukan iaitu pasukan lelaki dan wanita yang juga merupakan sukan baru diperkenalkan bagi temasya SUKIPT kali ini.

Penyertaan sebanyak lapan buah pasukan ragbi wanita yang terdiri daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Politeknik Malaysia.



SIDANG REDAKSI

JAWATANKUASA MEDIA, PUBLISITI, DAN BULE-

PENASIHAT I

EN. TONY AZMAN HASSAN

PENASIHAT II

EN. PEKAN RAMLI

PENYELARAS

PN. ZUZILAWATI ZUBIR

KETUA EDITOR

EN. AHMAD FAISAL MOHAMED FIAH

EDITOR

PN. NURUL AISHAH ABD RAMAN
EN. DZULKARNAIN MAZLAN
EN. HAFIZ BAHAROM

KETUA WARTAWAN

ABD. HADI CHE AWANG

EDITOR FOTO

HARIS DANIEAL

PENYELARAS PETUGAS MEDIA

KHAIRUL HANIM

PEREKA GRAFIK

MUHAMMAD AZFAR BIN SHUHAIME
MOHD. SHAHMIN BIN AHMAD
MUHAMMAD YUSRI AIDID BIN MALIK
NORSYAFIKA BINTI ZAI

VENUE ACARA SUKAN SUKIPT 2018

Up Town Futsal, Bangi :: **BADMINTON | BERBASIKAL (MTB)** :: Trek Berbasikal MTB UKM

Gelanggang Bola Jaring German Malaysia Institute (GMI) Bangi :: **BOLA JARING | BOLA TAMPAR** :: Dewan Gemilang, UKM

Gelanggang Bola Tampar Pantai, UKM :: **BOLA TAMPAR PANTAI | BOLA SEPAK** :: UKM/ UNITEN/ UPM/ USIM

Kompleks Kesatria, UKM :: **CATUR | GOLF** :: Kelab Golf Danau UKM

Gelanggang Futsal, UKM :: **HOKI 6'S | KRIKET** :: Oval UKM & Kinrara Oval

DTAMS, UKM :: **KARATE | LAWAN PEDANG** :: President Hall, Nilai University

Kompleks Sukan Lawn Bowls Seremban 2 :: **LAWN BOWLS | MEMANAH** :: Stadium Pavillion, UKM

Lapang Sasar 10M UPNM :: **MENEMBAK (10m) | OLAHRAGA** :: Stadium, UKM

DECTAR, UKM :: **SILAT | PETANQUE** :: Gelanggang Petanque Kolej Keris MAS, UKM

DTAMS, UKM :: **PING PONG | RAGBI 7's** :: Padang Ragbi, UPM

Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil :: **RENANG | SEPAK TAKRAW** :: Gelanggang Sepak Takraw, UPM

Gelanggang Skuasy, UKM :: **SKUASY | SOFBAL** :: Padang Sofbol, UKM

DTAMS, UKM :: **TAEKWANDO | TENPIN BOWLING** :: IOI City Mall, Putrajaya

Gelanggang Tenis, UKM :: **TENIS**